

Bab 2

Konsep adat dalam masyarakat Bidayuh

i) Pengenalan: konsep adat

Dalam kehidupan masyarakat Bidayuh tradisi , adat wujud dalam sifatnya yang asli yakni terpelihara daripada gangguan ideologi baru kesan daripada pengaruh perubahan masa dan persekitaran. Justeru dengan kekuatan dalam prinsipnya, maka secara tidak langsung mewujudkan suasana kehidupan tradisi terus kekal dalam keadaan di mana institusi sosial terjalin erat dan berpadu kerana ada sifat pemupukan pada prinsip adat. Meskipun kekangan perubahan masa dan ruang persekitaran sosial ditambah lagi dengan corak kehidupan tradisi primitif dan kritikal memaksa adat menerima perubahan dalam aspek nilai dan prinsip namun masyarakat tradisi dapat menerima dan mengadaptasikan bentuk nilai baru dan disesuaikan ke dalam kod sistem nilai yang membentuk mekanisme kawalan sosial yang efektif.

Dalam pada itu, kehidupan masyarakat tradisi terangkum ke dalam corak dan nilai yang membentuk budaya dan sistem kepercayaan berdasarkan pengaruh ekologi alam semulajadi. Dalam konteks ini hubungan manusia dengan alam adalah suatu bentuk fenomena yang terangkum dalam adat. Oleh itu, bagi masyarakat Bidayuh pemupukan nilai kepercayaan, agama serta budaya terjalin-erat melalui proses penerimaan adaptasi ekologi persekitaran yang melingkungi alam kehidupan sosialnya. Pendek kata, hutan adalah dunia dan alam kehidupan mereka. Prinsip hubungan ekologi semulajadi ini

mempunyai makna yang begitu penting yakni menjadi elemen utama dalam pembentukkan nilai sosio-budaya, ekonomi dan politik masyarakatnya.

Selain itu, idealnya hubungan manusia-alam dalam memperlihatkan realiti kehidupan terletak pada tanggapan konsep tuhan yang dianjurkan oleh Durkheim di mana tuhan dilambangkan dalam realiti kehidupan masyarakatnya (Jacqualine & Pickering 1975). Pentingnya peranan hutan tidak hanya terletak pada sosio-ekonomi malah mengekalkan kewujudan kehidupan budaya, tradisi serta nilai kepercayaan yang diamalkan. Oleh itu, fungsi dan peranan hutan yang dimuliakan mencetuskan rasa tanggungjawab setiap anggota masyarakat memanfaatkan sekaligus memelihara kemampuan untuk kesinambungan kewujudan hutan, disamping kehidupan harmonis individu serta masyarakat dan yang paling penting hubungan mampan setiap ahli dengan alam semulajadi dan tuhan. Berpegang kepada prinsip ini, maka masyarakat Bidayuh dilengkapi dengan suatu mekanisme alamiah dan nilai budaya yang menekankan kemanfaatan hutan demi keseimbangan hidup secara berterusan. Sistem sosio-ekonomi yang berasaskan sistem pertanian pindah (Shifting/swidden cultivation) misalnya adalah suatu kaedah sosio-budaya dan ekonomi yang terbentuk kesan daripada proses saling-bergantungan manusia-alam yang sukar dipisahkan. Oleh yang demikian, maka prinsip serta nilai sosial yang terpancar dalam kehidupan merupakan manifestasi yang terbit kesan daripada proses saling-bergantungan membawa kepada pembentukan jati diri serta identiti masyarakat secara menyeluruh.

Dengan meminjam teori “ *ideal-type* ” anjuran Max Weber ke dalam corak kehidupan masyarakat yang tersedia wujud dalam bentuk yang ideal jelas memperlihatkan

ciri, falsafah dan sistem nilai yang diamalkan selari dengan unsur dan mekanisme sosial yang dipraktikkan selama ini. Meskipun ideologi serta falsafahnya utuh dalam membentuk prinsip dan nilai namun ia bersifat pragmatis mengadaptasi mekanisme baru yang diluar prinsipnya. Pengaruh serta penerapan unsur baru ke dalam sistem nilai menjadikan budaya serta nilai kepercayaan orang Bidayuh semakin '*ideal*' dan diterima-pakai tanpa mengikis prinsip asas ideologi dan falsafah sosialnya. Kekuatan pada prinsip ini terpancar dalam sistem sosio-budaya, kepercayaan, agama, politik, dan sosio-ekonomi yang diadaptasi dengan corak kehidupan yang dipraktikkan (Jacob Ridu 1989:383). Malah ia dianggap sebagai tunjang budaya yang disanjung dan bukan suatu bentuk tentangan atau reaksi terhadap sumber yang boleh memudaratkan kehidupan sosio-ekonomi, budaya dan kepercayaan masyarakat.

Fenomena ini berasaskan gagasan paradigma pemikiran kepercayaan yang sentiasa menganggap kehidupan primitif adalah suatu manifestasi yang dianggap selama ini sebagai sentimen *tradisionalisme*, *primodialisme*, *etnosentrisme* atau rendah tahap pemikiran suku kelompok pengamalnya. Tanggapan sebegini ternyata meleset, buktinya kewujudan corak dan nilai budaya yang diamalkan serta persepsi konsep kewujudan tuhan kekal dalam bentuk yang tulen sejajar dengan operasi serta peranan dalam kewujudan dan kesinambungan hidup masyarakatnya.

Adat ibaratkan khazanah yang terbentuk bersama kewujudan hutan serta kehidupan alam lainnya sebagai satu syarat atau jaminan kesinambungan hidup sebuah masyarakat. Berasaskan kepercayaan ini, maka timbul tanggapan bahawa kehancuran hutan serta segala penghuni alam lain merupakan satu ancaman serius bukan hanya ke atas

sosio-ekonomi tetapi juga terhadap kewujudan nilai budaya dan kepercayaan atau dalam kata yang lebih tepat [adat]. Dengan ini jelas kehidupan masyarakat Bidayuh amat bergantung serta kukuh dengan prinsip dan nilai sosial selari dengan kewujudan hutan dan kehidupan alam lain disekelilingnya. Tanpa adanya proses saling bergantungan dan interaksi maka timbul kepercayaan bahawa kehancuran hutan dan segala isinya akan menjadi ancaman serius bukan hanya terhadap sistem sosio-ekonomi tetapi juga ke atas kekekalan nilai budaya serta sistem kepercayaan yang dijunjung.

Orang Bidayuh percaya adat bukan hanya tertakhluk ke atas kehidupan manusia sahaja tetapi segala bentuk kehidupan atau benda (sungai, tumbuhan, binatang, dan sebagainya) atau setiap fenomena dalam apa juga situasi dan tindakan ; tertakhluk dalam lingkungan kosmos atas ketentuan ‘*Topa*’ atau ‘*Tampa-raiyuh*’ (tuhan). Ini berasas kepada kepercayaan bahawa tuhan itu ialah ‘*supreme spirit*’ (*Gods*) yang berkuasa ke atas roh kewujudan manusia dan segala kehidupan di alam semesta. Ini bertepatan dengan konsep kewujudan tuhan menurut persepsi mereka yang mengakui;

“We say this Tampa is the one who is all powerful, who made the after-worlds and the earth, and that everything came from him. Tampa himself lives in the furthest after-worlds” (Geddes 1954a:25).

Berpegang kepada prinsip ini maka konsep kewujudan tuhan dijelmakan dalam adat. Justeru setiap benda atau hidupan berinteraksi menurut adat akan menjamin keseimbangan hubungan manusia dengan seluruh bentuk hidupan serta fenomena alam yang terbit sebagai mekanisme relatif dalam adat. Ia dianggap relatif kerana tanpa proses saling-bergantungan ini maka adat tidak akan wujud dan kekal dengan keutuhan prinsip serta nilainya. Memetik pendapat Gerunsin (1993:43) dalam kehidupan bermasyarakat adat

menjadi syarat penting mengawal dan memelihara hubungan harmoni dari segi fizikal maupun spiritual seluruh anggota masyarakat Rumah Panjang. Bertindak menurut adat menjamin kehidupan dalam “*the state of balance*” yakni kesejahteraan ritual dengan semangat dan tuhan. Dalam hal ini, *pimaris/pemali* yang berkonseptan *[takud]* merupakan manifestasi ritual adat dilakukan untuk memelihara dan mengekalkan keharmonian masyarakat. Konsep takud dalam kes tertentu bukan sekadar suatu bentuk pengampunan sebaliknya mengelakkan rasa marah dan dendam dalam diri individu. Pendek kata, konsep takud dalam adat adalah jelmaan untuk memastikan the “*state of balance*” dalam setiap aspek kehidupan yakni terisi dari aspek *fizikal* dan *spiritual*. Dengan ini maka hubungan harmoni terpelihara secara berterusan dalam diri masyarakat.

Fenomena ini diperkuatkan lagi oleh corak kehidupan berumah panjang yakni entiti penting yang tidak dapat dipisahkan dengan sistem kepercayaan individu atau sekelompok masyarakat yang mengamalkan amalan ritual. Sandin (1980:3) pernah menegaskan adat berfungsi mengikat paradigma alam pemikiran masyarakat melalui interaksi, tindakan dan perlakuan demi mengekalkan hubungan harmoni sesama mereka. Kanak-kanak umpamanya diajar menghormati orang tua dan berkelakuan menurut adab-tertib serta nilai sosial rumah panjang yang telah ditetapkan menurut adat. Demikian juga orang dewasa serta masyarakat seluruhnya tidak terkecuali dan setiap tindakan serta kelakuan harus menurut adab-tertib yang di tentukan oleh hukum adat. Pendek kata, dalam setiap hal-hwal institusi kekeluargaan maupun kampung (Rumah Panjang) adat berkuasa memelihara serta mengekalkan keharmonian sosial.

Dari segi konsep, aspek ritual dan sekular nampak berbeza namun ia selari menurut aspek amalan dan fungsinya. Dengan mengadaptasikan kedua-dua sistem nilai ini, maka masyarakat rumah panjang akan menikmati keharmonian melalui interaksi dan hubungan sesama mereka tanpa menidakkannya kekuasaan semangat dan tuhan iaitu adat. Walaupun dalam beberapa hal, cara pemikiran atau amalan primitif ini mengetengahkan metodologi yang agak berbeza daripada cara pemikiran logik bagi masyarakat moden namun konsep tentang tuhan tidak berbeza malah bersifat saling-bergantungan.

Bagi orang Bidayuh wujud kepercayaan kuat bahawa adat bersifat pragmatik dan dinamik bahkan sentiasa hidup dalam diri komuniti setiap individu walaupun bukan dalam bentuk transkrip atau dokumen tetapi dalam bentuk semangat (spiritual). Jika ia kekal dalam bentuknya yang teratur dan tersusun atau dalam keadaan di mana ia dilembagakan secara sah maka fungsi dan konsepnya mungkin akan lenyap atau andai ia terus wujud pun konsep serta prinsipnya akan berubah dan bertentangan dengan sistem nilai yang diperaktikkan oleh masyarakat moden sekular. Sistem nilai yang dimaksudkan ialah sistem yang mencirikan konsep adat yang wujud bukan dalam bentuknya yang termaktub secara formal sebaliknya semulajadi lahir dalam diri individu. Ia dihayati dan diterjemahkan melalui tradisi lisan sakral oleh pelopor adat dari satu generasi ke satu generasi. Biasanya dalam beberapa hal dan keadaan tertentu prinsip serta nilainya menerima proses perubahan kerana ia dihayati oleh masyarakat secara lisan. Meskipun begitu, konsepnya yang berpaksikan prinsip mekanisme peraturan, hukuman atau undang-undang moral tradisi kekal diterima pakai dan diadaptasikan ke dalam kehidupan setiap ahli masyarakat membolehkan ia sentiasa disanjung sebagai prinsip asas kawalan sosial yang dimuliakan. Walau bagaimanapun, konsep yang mencorakkan pemikiran dan kehidupan sosial tradisi

memiliki sifat dan makna yang agak berbeza dengan konsep nilai yang dipegang oleh masyarakat Melayu di kepulauan Astronesia atau masyarakat moden sekular.

Dengan memetik perbandingan yang dibuat oleh Hooker (1975:142); konsep adat (merujuk kes masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan) yang terangkum dalam sistem adat Perbilangan yakni adat Pepatih dan adat Temenggong dan undang-undang Islam mempunyai konsep yang berbeza dengan konsep adat dalam kepercayaan orang Bidayuh. Sekadar perbandingan, dalam sistem adat perbilangan kerabat perempuan akan mendapat hak istimewa berbanding lelaki dalam hal pemilikan warisan pusaka dan sebagainya tetapi berbeza dalam masyarakat Bidayuh kerana menurut adat kerabat perempuan mahupun lelaki mempunyai hak dan status yang sama rata dalam pemilikan pusaka keluarga. Dalam institusi sosial masyarakat Bidayuh pula, tidak adanya jurang yang membezakan ataupun menafi hak setiap individu menurut sistem adat. Malah ia juga berbeza dengan konsep nilai sosial yang didukung oleh masyarakat barat sekular. Bukti ini lagi, perbezaan ketara konsep adat menurut praktis orang Bidayuh terangkum ke dalam sistem nilai atau bentuk kepercayaan yang mempunyai ikatan kukuh dengan amalan '*sakral*' atau '*religio-magis*' dan dihubungkan pula dengan proses ritual. Fenomena ini berasaskan kepada *teologi* falsafah segala makhluk atau kejadian alam semesta dikawal dan ditentukan oleh hukum kosmos.

Seperti yang telah dikatakan, adat tidak boleh dan amat sukar untuk dipisahkan dari alam kehidupan si pengamalnya. Asas kepercayaan yang kuat terhadap alam kepercayaan "*religio magis atau sakral*" maka segala fenomena atau simbol yang melambangkan makna tertentu diaplisasikan dalam realiti kehidupan adalah suatu kejadian

yang dianggap wajar malah dipercayaai benar-benar wujud. Dalam hal ini, masyarakat Bidayuh tidak terlepas dari mempercayai kuasa ghaib sebagai suatu kuasa menguasai alam kehidupan alam-semesta dalam bentuk kekal abadi. Logiknya seluruh kehidupan yang terikat dengan hukum adat mempunyai tanggungjawab untuk sentiasa turut menjaga serta memelihara di samping mengekalkan keseimbangan kosmos kerana adanya kekuatan *ritual* dan *spiritual*. Dengan berpegang kepada ‘*falsafah teologi*’ hukum alam maka kesalahan dalam tindakan atau perlakuan individu mahupun masyarakat akan disusuli dengan upacara penyembahan ritual yang sesuai dengan bentuk kesalahan yang telah dilakukan. Selalunya upacara penyembahan ritual itu merupakan implikasi spiritual yang terpancar dari konsep adat dalam memaparkan kebenaran ‘*supernatural*’.

Bagi masyarakat Bidayuh, adanya keupayaan dan kemahiran berkomunikasi dengan alam *supernatural* (alam ghaib atau spiritual) tidak menjadi masalah kerana selamanya kepercayaan dan pengetahuan itu terpelihara dalam diri mereka. Melalui pengetahuan ini maka tersemat kepercayaan bahawa segala bentuk kewujudan kuasa ‘*supernatural*’ dijelmakan dalam bentuk fenomena keajaiban dan keghaiban melalui pelbagai peristiwa tertentu. Dengan menyorot kembali konsep adat, tindakan yang menyalahi adat akan mendatangkan musibah tidak harmonis di dunia nyata dan dalam masa yang sama membawa impak *spiritual* ke atas individu yang melanggarinya. Malah kesalahan yang dilakukan juga akan mengundang ketidakharmonian hubungan alam *spiritual* dan kuasa *supernatural* (semangat dan Tuhan). Oleh itu, untuk mengembalikan kesejahteraan serta keharmonian dalam masyarakat maka upacara ritual dilakukan. Upacara ritual seperti penyembahan, pemujaan, jampi-mantera atau korban dilakukan untuk memenuhi tuntutan semangat dan tuhan ; dan upacara ritual ini mempunyai pengertian dari

dua perspektif yang berbeza. Sekiranya berlaku keadaan di mana individu atau sekelompok masyarakat menyalahi hukum adat maka dipercayaai akan berlaku gangguan dalam bentuk fizikal dan spiritual ke atas seluruh anggota masyarakat. Dalam masyarakat yang amalan adat menjadi tunjang kehidupan perlakuan mahupun tindakkan yang melanggari adat akan menerima balasan/hukuman dalam bentuk spiritual. Dalam kata lain mereka akan terkena Badi atau sumpahan. Kehidupan menjadi tidak sempurna dan harmonis seperti mendapat tulah, sial, jangkitan penyakit, maut, hidup tidak diberkati dan sebagainya lagi. Perbuatan seperti zina, melanggar pantang, menidakkannya upacara suci yang diamalkan atau melakukan kesalahan-kesalahan tertentu maka upacara ritual perlu dijalankan menurut kesesuaian hukum adat berdasarkan tahap serta seriusnya kesalahan yang telah dilakukan untuk mengembali serta memelihara keharmonian sosial masyarakat.

Manakala gangguan spiritual ke atas individu seperti pencabulan hak, mendapat malu, teraniaya dan sebagainya secara tidak langsung bukan hanya memberi kesan fizikal tetapi juga gangguan psikologi ke atas semangat atau roh individu atau pihak yang terlibat (Sather dalam Sandin 1980:xxix). Upacara ritual mesti dijalankan kerana hanya dengan cara ini maka ketenteraman atau kesejahteraan semangat atau roh individu dapat kembali kepada keadaan asal. Jelas persepsi orang Bidayuh tentang semangat atau roh seseorang adalah elemen penting yang membentuk sebahagian dimensi nilai dalam adat. Oleh yang demikian maka peranan dan operasi adat berupaya membentuk hukum sosial yang sangat efektif memelihara serta mengawal tingkah laku dan tindakkan individu dan masyarakat seluruhnya.

Selain itu, dalam adat obligasi sosial serta etika moral dari suatu aspek tidak dapat dipisahkan kerana tanpa hubungan erat konsep kawalan sosial tidak mungkin tercapai sepenuhnya. Aplikasi kedua-dua konsep ini juga tidak memadai kerana kawalan sosial yang efektif perlu diikuti dengan perlakuan baik individu yang mentaati adat. Setiap individu dalam kelompok masyarakat tidak terkecuali daripada bertindak menurut adab-tertib menurut hukum adat. Ia menganjurkan himpunan tatacara kelakuan yang membentuk kawalan sosial yang mana mewujudkan ketinggian nilai moral yang mulia bagi mereka menghormati, menyanjung, mengamal serta patuh kepada prinsip adat maka individu itu selalunya dilabelkan sebagai orang yang ‘beradat’. Malah berkelakuan menurut adab-tertib akan menjadikan individu itu dalam status yang mulia dan dihormati dalam masyarakat.

Adat dalam konteks yang lebih ideal adalah satu himpunan nilai moral yang bertindak sebagai elemen efektif membentuk kemulian sikap individu atau masyarakat yang mendukungnya. Ia secara tidak langsung mengawal setiap aspek kehidupan serta pemikiran hubungan manusia dengan alam kosmos. Mengingkari adat bermakna mengingkari hukum alam dan tuhan akibatnya kehidupan menjadi tidak sempurna dan harmonis. Oleh itu, adat ibarat penyelamat yang wujud mengembalikan ketenteraman ‘*state of balance*’ yakni seluruh bahagian alam kekal dalam keadaan yang sempurna dan bebas daripada segala keaiban. Bagi orang Bidayuh prinsip adat ini dijunjung menjadikan mereka terisi secara fizikal dan spiritual.

Dalam bab ini memadai perbincangan dihadkan ke atas konsep adat dalam konteksnya sebagai alat kawalan sosial yang begitu dominan meresap ke dalam amalan kehidupan masyarakat Bidayuh tradisi. Operasi dan peranan adat bertindak sebagai sistem

kawalan sosial yang efektif dan diterima-pakai dalam struktur sosial kehidupan tradisi yang tersusun dan teratur. Konsep adat sebagai undang-undang sosial primitif yang mengawal serta menentukan tatacara sosial masyarakat; yakni mencirikan khazanah tradisi yang mencerminkan tamadun masyarakatnya. Kehidupan yang bertunjangkan hukum adat secara tidak langsung menjadikan seseorang individu atau sekelompok masyarakat itu menjadi lebih berdisiplin dan mengawal setiap tingkahlakunya dalam bertindak. Persoalan ini akan cuba diuraikan dengan melihat fungsi dan peranan adat dari perspektif yang lebih efektif yakni melalui operasinya sebagai satu himpunan peraturan kawalan sosial. Kebenaran ini mungkin dapat diterjemahkan melalui falsafah yang menjadi rukun atau syarat penting dalam amalan hidup seluruh anggota masyarakat. Ini akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya nanti.

ii) Adat dalam lingkungan kawasan kajian

Dalam konteks kajian ini, seperti yang telah dikatakan masyarakat Bidayuh wujud dalam bentuk yang ‘*homogeni*’ dari segi sosial dan budayanya yakni tidak bermakna tiada perbezaan dari aspek kepercayaan atau praktis sosial terutama yang berkaitan dengan khazanah tradisi sosial. Perbezaan ketara dapat diperhatikan dari aspek kosmologi silam atau dari cara penampilan serta corak pernakaian pakaian yang digunakan oleh kelompok individu etniknya. Variasi dialek percakapan yang pelbagai memaparkan kelainan atau perbezaan yang ada dalam struktur sosial. Fenomena ini boleh dilihat dengan merujuk kajian yang dilakukan ke atas suku dialek Bidayuh kampung Gayu, Padawan yang dilakukan oleh Valerie & Patricia (2000:225) memperlihatkan;


“The identity of different dialect groups is further marked by different styles of dance, variations in farming rituals, different basketry patterns and by costume derived from the dress of female priestesses and male ritual specialists.”

Orang Bidayuh umumnya terbahagi kepada empat kelompok etnik utama menurut sistem dialek pertuturan. Kelompok dialek ini termasuklah Bukar/sadong, Bijagoi/Bisinggai, Biatah/Biaanah dan selako/lara. Kepelbagaiannya dalam variasi dialek percakapan menunjukkan pula kewujudan perbezaan sempadan wilayah petempatan. Menurut sejarah, etnik bidayuh merupakan komuniti pribumi tertua yang mendiami sebahagian besar barat daya kepulauan Borneo (W.T.E. de M, 1885; Elam 1937; Staal 1940; Gordon 1949; Harrisson 1950; Andriessie 1972; William Nais 1989). Di Sarawak sempadan lokasi petempatan mereka banyak tertumpu di bahagian pertama iaitu sekitar daerah bandaraya Kuching dan Samarahan. Setiap kelompok dialek mempunyai wilayah

sempadan petempatan; misalnya kelompok Bukar Sadong kebanyakannya terdapat di daerah Serian dan sekitar Samarahan. Kelompok etnik Biatah/Bia'anah menetap di sekitar kawasan segi tiga bandaraya Kuching, Padawan dan Penrissen. Sementara kelompok Bijagoi/Bisinggai pula kebanyakannya terdapat di daerah Bau dan kelompok Selako/Lara mendiami sebahagian besar daerah Lundu.

Dipercayai sebahagian besar daripada kelompok etnik Bidayuh terdapat di barat daya Kalimantan Borneo iaitu termasuk ke dalam sempadan wilayah pentadbiran Republik Indonesia. Walau bagaimanapun, hari ini orang Bidayuh bertaburan hampir di setiap bandar utama di Sarawak seperti di Sri Aman, Sarakei, Sibu, Bintulu, Miri dan lain-lain lagi. Perubahan yang rancak dalam taburan penduduk berlaku akibat daripada transformasi penghijrahan (migrasi) dan perubahan dalam sosio-ekonomi. Menurut statistik populasi negeri Sarawak pada 1992, jumlah masyarakat Bidayuh dianggarkan lebih daripada 167,000 orang (Valerie Mashman & Patricia 2000:225).

Tajuk : Peta menunjukkan kawasan petempatan orang Bidayuh mengikut suku etnik (Bau, Serian dan Kuching Samarahan)



Sumber : Dayak Bidayuh National Association (DBNA) Kuching

iii) Sistem kepercayaan

Dalam kehidupan masyarakat Bidayuh tradisi unsur metafizik tidak dapat dipisahkan dengan amalan dan kepercayaan sakral atau magis terutamanya yang berhubungan dengan aspek kosmologi kewujudan kehidupan masyarakat tradisi. Demikian juga, konsep adat yang wujud dalam bentuk tradisi sakral lisan terpancar melalui makna dan sifatnya yang bukan sekadar hukum alam semulajadi atau satu bentuk set etika peraturan sosial malah ia meliputi konsep agama yang didukung oleh masyarakatnya. Seperti yang telah dibincangkan, nilai kepercayaan dan agama yang diperlakukan tidak dapat dipisahkan dengan nilai sosio-budaya, ekonomi dan politik kehidupan masyarakat.

Keadaan ini wujud kerana adanya perkongsian serta hubungan intim dengan alam kehidupan persekitaran seperti tumbuhan, binatang, serangga dan pelbagai kehidupan di samping organisma bukan hidup lain dalam lingkungan ekologi alam semulajadi. Kehidupan bagi orang Bidayuh merupakan satu proses berterusan yang diimbangi oleh kewujudan alam semulajadi dan alam '*supernatural*' berasaskan ideologi semua benda mempunyai semangat. Semangat ini pula dilambangkan melalui simbol atau kejadian yang berlaku dalam bentuk fizikal maupun spiritual yang dipercayai benar-benar wujud. Berdasarkan pengertian ini maka keperibadian, tingkah laku, sikap malah aktiviti sosio-ekonomi dibimbing, didukung serta dihubungkan bukan hanya dengan sistem kepercayaan atau ajaran agama tetapi juga dengan nilai budaya dan sistem sosialnya. Adat adalah suatu sistem kepercayaan yang bersifat kompleks dan pragmatis. Menurut Scharer (1963:159-160); Valerie & Patricia (2000: 227) kompleksiti kepercayaan ini berasaskan kepada dua prinsip utama yakni:

- a) Kepercayaan nenek moyang yang diwarisi (konsep pemujaan kuasa ghaib).
- b) Kepercayaan terhadap tuhan yang satu dengan kekuasaan tertinggi yang merupakan Suatu '*prima causa*' dari kehidupan manusia.

Ini jelas menunjukkan bahawa sistem kepercayaan orang Bidayuh dibentuk oleh keadaan di mana hubungan manusia dengan tuhan, manusia dengan manusia, manusia dengan roh nenek moyang, dan manusia dengan segala hidupan lain dalam alam persekitarannya. Ternyata sistem kepercayaan nenek moyang, agama dan nilai budaya terbentuk oleh mekanisme alam semulajadi yang melatari alam kehidupan masyarakatnya. Konsep ini jelas terpancar dalam aktiviti harian di mana roh manusia dan *Tampa-raiyuh* (tuhan) atau malaikat *Tanabi*, *Yang*, dan *Jirong* atau semangat Kemang dan Triyu (Baing) saling berdampingan antara satu sama lain. Berasaskan gagasan ini maka terbentuknya suatu konsep nilai sosial dan budaya mirip ke arah '*dualisme*'. Dualisme kerana dalam pengertian kepercayaan orang Bidayuh realiti alam manusia dan alam ghaib (supernatural) atau Semangat (Baing) saling bersatu dengan konsep dualisme jasad dan Roh (semangat) segala bentuk objek dan hidupan. Oleh itu, kosmologinya bertunjangkan tanggapan semua benda hidup mahupun mati dengan hidupan seluruhnya mempunyai semangat.

Sesungguhnya agama atau kepercayaan wujud dalam sifatnya yang kompleks di mana sebahagiannya berpadu dengan kuasa supernatural atau semangat (spirit-beings) yang bertindak menguasai operasi alam semulajadi. Oleh itu, semangat (spirit-beings) atau malaikat adalah makhluk '*antropomorfik*' yang memiliki kuasa istimewa yang berupaya menentukan tatacara operasi serta fungsi adat dalam amalan praktis sosial individu masyarakatnya. Bagi mereka peranan malaikat adalah elemen penting dalam

kehidupan malah mengukuhkan asas dalam ciri pembentukkan nilai budaya sekaligus berperanan penting dalam kewujudan kosmologinya. Ia pula wujud dalam bentuk dan sifat yang pelbagai dengan ciri serta fungsi berasaskan tuntutan persekitaran dan fenomena sosial tertentu yakni suatu kuasa supernatural yang bertindak menentukan segalanya. Dalam proses hubungan ini biasanya tatacara menurut hukum adat dirujuk.

Struktur kosmologi orang Bidayuh boleh dibahagikan kepada beberapa tahap mengikut peranan serta fungsinya. Kepercayaan agama berkONSEPkuasa supernatural (spirit-beings) yang terdiri daripada tiga elemen utama berperanan menjadi pengantara antara manusia dengan Topa/Tampa (tuhan) iaitu malaikat *Tanabi*, *Yang* dan *Jirong*. Menurut mitologi malaikat Tanabi dikatakan berkuasa mencipta alam semesta dan segala makhluk di dalamnya. Manakala malaikat Yang ialah Dewa yang bertanggungjawab mengawal serta memelihara ahli masyarakat dalam suasana sejahtera dan harmoni. Keharmonian ini pula diperolehi melalui proses upacara penyembahan ritual yang biasanya akan dilaksanakan oleh individu yang dikenali sebagai ‘*Pinguri*’ (manang) atau Tua Gawai. Mereka ini dipercayai memiliki kuasa istimewa mengendalikan upacara penyembahan ritual menurut wahyu yang diperturunkan menurut hukum adat. Selain itu, Malaikat ini juga dipercayai berupaya menghadirkan malapetaka seperti penyakit berjangkit atau kematian ke atas individu dalam keadaan yang tragik. Malah malaikat ‘Yang’ dianggap bertanggungjawab mencipta dunia, syurga, alam akhirat dan manusia. Malaikat Jirong pula mempunyai konsep ‘*dualisme*’ di mana selain berkuasa mewujudkan kesejahteraan, ia juga berkuasa menjelmakan malapetaka dan penderitaan kepada manusia. Walau bagaimanapun dalam haraiki struktur teologi kuasa tertinggi ialah Topa/Tampa (tuhan) Maha Pencipta (the creator) nyawa manusia dan hidupan lain yang

mengatasi segalanya (Valerie & Patricia 2000:227; Geddes 1954a:25). Kewujudan malaikat ini memainkan peranan sebagai pengantara manusia dengan tuhan serta fenomena alam semulajadi. Oleh itu, dalam aktiviti kehidupan harian mereka elemen ‘spirit-beings’ ini sukar untuk dipisahkan kerana ia menjadi sebahagian daripada operasi adat dalam tindakan serta perlakuan sosial masyarakatnya. Jelas ia sering disebut oleh Tua Gawai atau manang dalam upacara ritual atau pemujaan untuk mendapatkan restu serta perlindungan dalam setiap aktiviti kehidupan harian yakni rutin sosial, budaya dan ekonomi yang dilakukan.

Selain Malaikat di atas, mitologi teologi orang Bidayuh juga dicirikan oleh unsur semangat (Roh) atau Umot (Kuasa-jahat) yang turut memainkan peranan dalam aktiviti serta operasi kehidupan masyarakat dan alam persekitarannya. Dalam kepercayaan orang Bidayuh semangat (Roh) dan Umot ini dikenali sebagai ‘Baing’ atau *Orang Kebenaran*. Ia juga sering dikaitkan dengan roh (semangat) nenek-moyang atau seorang wira perang yang telah mati dan dipercayai menjelma sebagai ‘Demi-Gods’ (St.John 1962:169).

Suatu bentuk kepercayaan yang sinonim bagi masyarakat tradisi suku pribumi yang menganggap apabila seseorang itu mati roh mereka masih hidup (*enti’ kitai mensia mati, semengat kitai bedau idup*) dan akan menjelma menjadi Umot (Sather 2000:69-70). Roh atau Semangat (spirit-beings) yang disembah dan disebut dalam upacara ritual tertentu biasanya terdiri daripada dua pihak iaitu suatu pihak yang terdiri daripada Roh ibu-bapa atau nenek moyang yang akan disembah dalam upacara ritual yang dilakukan. Semua roh ini tidak diberikan nama untuk mengelakkan wujud perasaan takut kaum kerabat yang mempunyai pertalian darah dengannya kerana dipercayai akan mudah mengenali mereka.

Selain itu, Roh yang satu lagi ialah Roh sekumpulan individu yang suatu ketika dahulu memiliki kuasa serta karisma dan dihormati oleh seluruh anggota masyarakat. Ia unik kerana dipercayai memiliki kuasa istimewa kerana kewujudannya secara tidak langsung mencerminkan keperibadian kehidupan masyarakat tradisi seluruhnya. Oleh sebab itu, dalam upacara pemujaan Roh nenek-moyang asas penting yang diambil kira ialah Roh yang akan dijamu mestilah dari individu terpilih yang memiliki keistimewaan tertentu seperti berkarisma semasa hayat, Tua Gawai, ketua masyarakat, kaya padi dan memiliki harta persendirian seperti canang, gong, tajaw rumping, karas tembaga dan sebagainya lagi. Dalam kehidupan tradisi memiliki sifat atau harta persendirian seperti ini menjadi ukuran kedudukan serta status individu.

Berdasarkan tanggapan ini maka Roh atau Umot (*spirit-beings*) individu terpilih menjadi elemen penting yang paling aktif serta berpengaruh ke atas operasi alam kehidupan seseorang individu atau sekelompok masyarakat yang mempunyai pertalian darah dengannya. Justeru itu, ia sangat dihormati dan selalunya akan disebut oleh Tua Gawai atau manang dalam sesuatu upacara ritual untuk mendapatkan restu atau perlindungan dalam setiap tindakan atau perlakuan sosial yang dilakukannya. Upacara ritual seperti jampi-mantera atau pemujaan Roh nenek-moyang menjadi sebahagian daripada adat yang mencirikan amalan praktik tradisi sosial yang sukar dipisahkan dari teologi falsafah masyarakatnya.

Dalam pada itu, konsep teologinya juga dicirikan oleh sifatnya yang terbentuk dalam alam kehidupan *supernatural* yang terbahagi kepada tahap-tahap tertentu yang mana apabila seseorang itu mati maka rohnya akan melalui beberapa tahap alam '*supernatural*'

itu tadi sehingga ia mencapai tahap abadi (William 1983:3-7). Tahap pertama dipanggil alam ‘*Sebayan*,’ suatu tempat yang tidak begitu besar namun sifatnya tidak banyak berbeza daripada alam nyata. Di percaya semua roh orang yang telah mati akan tinggal di sana dan menjalankan kehidupan seperti di alam nyata iaitu hidup berkeluarga (suami-isteri dan anak mereka). Selepas melalui hidup di sana mereka seterusnya melalui kehidupan di alam kehidupan tahap kedua yang dipanggil alam ‘*Sidanah*.’

Alam kehidupan pada peringkat ini tidak banyak bezanya dengan alam kehidupan di alam Sebayan kerana roh dipercayai masih melakukan aktiviti atau rutin hidup yang sama cuma bezanya corak kehidupan lebih senang dan perkahwinan tidak belaku. Selain itu roh juga menikmati kebebasan mutlak yakni bebas daripada dosa kerana dipercayai tiada Umot (kuasa-jahat) yang wujud dan mengganggu alam kehidupan. Menurut tanggapan mereka lagi setelah melalui proses peralihan ini akhirnya roh tersebut akan beralih ke alam kehidupan akhirat peringkat terakhir iaitu alam ‘*Siruga*’. Ia adalah tempat terakhir dalam proses peralihan dan di sini roh akan menikmati kesenangan hidup yang kekal abadi.

Roh atau Semangat pula akan menjelma dalam bentuk dan sifatnya yang berlainan menurut kelas serta memiliki kuasa *supernatural* tertentu bergantung kepada keadaan bagaimana seseorang itu menemui ajalnya. Seseorang yang mati akibat dipenggal kepala oleh musuh semasa dalam expedisi perang (Nga’yu) dipercayai rohnya akan menjelma menjadi Umot ‘*Bisaran*’ atau Umot ‘*Buaw*’. Ia dipercayai memiliki kuasa dengan menyamar menyerupai objek yang menakutkan dan menjelaskan sifat manusia tanpa kepala dan sering mengganggu wanita yang baru berkahwin untuk diijadikan isterinya.

Itulah sebabnya bagi orang Bidayuh pasangan yang baru berkahwin tidak akan membenarkan isteri masuk ke dalam hutan bersendirian kerana takut dirasuk lalu disembunyikan di suatu tempat sehingga sesat tidak mengetahui jalan pulang. Manakala orang yang mati disebabkan oleh kemalangan atau malapetaka rohnya akan menjadi Umot *Pijabun* dan dipercayai sentiasa menunggu kelalaian mangsanya dengan menghisap darah untuk membalas dendam. Contoh di atas cuma sebahagian daripada jelmaan Umot (spirit-beings) yang begitu berperanan mempengaruhi operasi alam kehidupan sosial masyarakat tradisi malah dalam kes tertentu, masyarakat tradisi juga sering menganggap Umot (spirit-beings) memiliki rupa dan sifat '*homologikal*' dengan manusia. Ini Berasaskan konsep teologinya yakni Baing terbahagi kepada kelas-kelas tertentu yakni kelas atasan, kelas sederhana dan kelas bawahan. Pecahan menurut klasifikasi boleh di bahagikan seperti berikut;

- Kelas atasan : Kamang dan Triyu
- Kelas sederhana: Umot Jin, Jimalang, Jimalang kunin, Umot Rigasi dan Orang Kebenaran.
- Kelas bawahan: Umot Grasi, Umot pirasa, Umot Rambi atau Raja tayam, Umot Pi'in, Umot Banyung, Umot Tadang, Umot Tibong, Umot Pirubeh, Umot Sise, Umot Sidawu, Umot Bisaran, Umot Buaw, Umot Pijabun, Umot Kok-Anak, Umot Tapaw, Umot Janjang, Umot Bilitu dan sebagainya lagi.

Berdasarkan mitologi ada diantara Umot bersuami atau memperisterikan manusia tetapi mereka tidak hidup sepetimana kehidupan dalam dunia nyata. Hubungan suami-isteri mereka berlaku secara sulit dalam keadaan di luar alam nyata yakni wujud dalam hubungan alam *supernatural*. Dalam kepercayaan orang Bidayuh hubungan suami-isteri

mereka ini dikenali sebagai ‘*Taridos*’ dan ‘*Tiriding*’. Umot atau spirit-beings ini memainkan peranan penting dalam hubungannya dengan manusia yakni berasaskan interaksi saling-bergantungan serta menghormati antara satu sama lain. Ia tidak akan mengkhianati manusia sekiranya manusia tidak mengganggu ketenteramannya. Tempat mereka bersemadi biasa dikaitkan dengan lokasi keramat yang dianggap berpenunggu dan berhantu malah ia ditakuti oleh manusia. Biasanya ia akan dielak dan hanya individu yang memiliki kepakaran berinteraksi dengan mereka yang berani melalui atau berada di kawasan itu.

Manakala dalam hal seperti berlakunya keadaan di mana manusia berpindah atau menceroboh kawasan tersebut maka ia perlu melakukan upacara ritual untuk memperoleh restu dengan membayar ganti rugi serta menjamunya menurut prosedur tertentu yang ditentukan oleh adat. Upacara ritual dilakukan sebagai jaminan tindakan yang dilakukan akan diberkati Umot (William 1983:5-6). Biasanya bagi masyarakat tradisi untuk tujuan ritual keperluan seperti berikut diberikan sebagai pampasan kepada Umot antaranya;

- a). Sebiji tembikar yang dikenali sebagai ‘Tajaw Sebiji tembikar Rumping,’ diukir dengan ukiran yang mempunyai makna tertentu serta diwarnakan dengan limau sementara bahagian leher tembikar dililit dengan rantai perhiasan yang diperbuat daripada rotan dan manik-manik.
- b). Dua biji tembikar biasa yang diperbuat daripada tanah liat.
- c). Dua biji pinggan-mangkuk dan dua biji cawan.

- d). Dua biji tembikar kecil yang dikenali sebagai ‘Gusi.’
- e). Dua biji telur ayam segar.
- f). Lemak ayam tidak kurang sekati.
- g). Lemak babi tidak kurang 25 kati.
- h). Pekasam ikan jenis ‘seruwang’ tidak kurang daripada 32 ekor.
- i). Nasi yang dimasak dalam buluh yang dikenali ‘pugang’ sebanyak enam ruas.
- J). Isi pinang muda, daun sirih, sibiji limau, daun gambir, rokok apong dan tembakau; dan, Tuak injok.

Selain itu, upacara ini juga selalunya diiringi dengan tarian mengikut kesesuaian tuntutan ritual yang dijalankan seperti tarian burung helang yang dikenali sebagai “*Berajang*” atau “*Birangi*,” tarian perang (ngajat) dan tarian mempertahankan diri (masa). Tujuan tarian ini dipersembahkan sebagai syarat melaksanakan ritual. Paluan “*Gong-Senayan*” digunakan mengiringi tarian “*Berajang*” atau “*Birangi*”, paluan canang dan kirumong untuk tarian “ngajat” manakala paduan bunyi semua alat ini digunakan untuk tarian “*Masa*. Dalam pada itu, sifat teologinya juga dicirikan oleh mitologi dewa *Antung* dan *Awan* yang mencirikan kosmologi orang Bidayuh dalam aktiviti penanaman padi. Menurut cerita *Antung* dan *Awan* diturunkan dari kayangan dan mempunyai tujuh orang anak. Dayang Asi mempunyai keinginan untuk mendapatkan sayuran, buah-buahan dan segala hasil tani tidak menjadi nyata kerana permintaan ini sukar ditunaikan.

Antung dan *Awan* bertindak membawa kesemua anaknya ke suatu kawasan di mana mereka mengajar anak-anaknya bagaimana menggunakan “*Buko*” (parang) dan

“Biliyung” untuk menebas, menebang lalu membakar menjadi “Umoh” (huma). Selepas itu, diajarnya pula anaknya tentang pantang larang untuk tidak mengerjakan sawahnya dalam tempoh empat hari yakni menyusahkan anak-anaknya untuk menunaikan permintaan Dayung Asi, adik bongsu mereka. Namun ia tidak kekal lama kerana Antung dan Awan berusaha melakukan yang terbaik untuk kesenangan anak-anaknya. Awan, bapa mereka telah menjelaskan dirinya menjadi batu “Gumala” yang menerangi malam dan ibunya pula menukar dirinya menjadi padi huma yang dipenuhi dengan sayuran dan buah-buahan.

Selepas habis tempoh pantang empat hari anak-anaknya apabila pergi ke Umoh (huma) terkilan dan riang melihatkan “Umoh” mereka dipenuhi dengan sayuran dan buah-buahan tetapi malangnya mereka tidak mengendahkan batu “Gumala” yang ada di situ. Akibat rasa sedih kerana tidak dipedulikan anak-anak lalu pada sebelah malam Awan menghilang ke langit menjadi bintang “Sikara” dan sebahagian daripada tubuhnya terus bertukar menjadi batu dan mineral yang terkubur dalam tanah.

Mitologi Antung dan Awan ini membawa implikasi yang kuat ke atas nilai kepercayaan sosio-ekonomi orang Bidayuh yang mana dari satu generasi ke satu generasi amalan sosial ini ditaati dan diamalkan. Malah dalam hal ini, padi serta tanaman lain yang ditanam begitu dihormati dan dipelihara menurut sistem adat kerana dipercayai ia mempunyai semangat kerana asalnya adalah manusia (Antung) menguatkan lagi falsafah teologi kepercayaan masyarakatnya. Oleh itu, dalam setiap aktiviti yang bersangkutan-paut dengan kerja penanaman dan penuaan padi atau upacara ritual, ia akan disebut untuk

mendapatkan restu atau berkat memperoleh hasil yang banyak atas aktiviti penanaman yang dilakukan.

Hose dan McDougall dalam monograf “*The Pagan Tribes Of Borneo 1912*,” percaya ‘Augury’ atau alamat (omens) seperti bunyi burung, binatang atau peristiwa tertentu mempunyai makna serta musibah supernatural yang sinifikan ke atas setiap tindakan atau perlakuan sosial. Freeman dalam bukunya “*Iban Augury*” menyebut;

“Each revelation has its purpose specific comment on human intentions. In interpreting an augury it becomes important, therefore, to identify these intentions. To achieve this the whole context in which an augury is encountered has to be taken into account: the time, the place, and the human activity being carried out or about to be initiated” (Freeman 1960:86).

Bagi orang Bidayuh alamat (omens) tertentu dirisik terlebih dahulu sebelum ‘Gawai Enchelan’ atau ‘Gawai Birantu’ atau pelbagai ritual lain dilakukan untuk mendapatkan restu serta perlindungan agar padi dapat hidup subur dan membawakan hasil lumayan di samping menghalau kuasa jahat supaya tidak mengganggu tanamam dan juga membawa bencana seperti penyakit kepada individu atau ahli keluarga. Padi pula adalah makanan ruji yang amat penting justeru itu ia menjadi tunjang utama dalam aktiviti ekonomi. Mereka percaya padi mempunyai semangat dan kerana itu secara tidak langsung memberikan kesan ke atas pembentukan nilai sosio-budaya dan ekonomi masyarakatnya (Valerie & Patricia 2000:227-229; Geddes 1949a:79).

Fenomena di atas jelas memperlihatkan bagaimana masyarakat Bidayuh mengadaptasikan kehidupan mereka dengan alam semula jadi. Berhubung dengan ini asas yang mendasari falsafah teologi kepercayaan ialah upacara ritual yang didukung dan dipraktikkan oleh Tua Gawai atau manang menjadi nadi dalam rutin kehidupan masyarakat. Oleh itu, konsep ‘*Shamanism*’ yang berpaksikan prinsip ritual begitu kuat meresapi setiap aspek kehidupan malah peranan serta operasi sukar dipisahkan dari amalan sosial masyarakatnya. Konsep ‘*Shamanism*’ bukan setakat kukuh ke atas amalan sosio-budaya serta ekonomi tetapi juga diaplikasikan dalam sistem perubatan tradisi yang sekian lama meresapi alam kehidupan sosial masyarakatnya. Contohnya jelas dapat dilihat dalam setiap tindakan atau aktiviti sosio-budaya, ekonomi dan politik yang dilakukan harus mendapat restu melalui upacara ritual terlebih dahulu.

Jika sesuatu tindakan yang dilakukan tidak mendapat restu ritual mahupun spiritual maka ia tidak boleh diteruskan. Ini menunjukkan amalan ritual mempunyai pengaruh yang sangat kuat ke atas kepercayaan masyarakat. Ini diperkuatkan lagi oleh kepercayaan bahawa setiap malapetaka atau musibah yang berlaku disebabkan oleh kuasa jahat. Misalnya apabila seseorang jatuh sakit dia dikatakan telah dirasuk dan jika penyakitnya serius, rohnya dipercayai telah meninggalkan jasad dan pergi ke alam *Sebayan* (supernatural). Untuk menyembuhkan penyakit dan mengembalikan roh ke dalam jasad maka upacara ritual mesti dilakukan oleh individu yang dianggap pakar dalam menjalankan proses ritual. Dalam hal ini, peranan *Tua Gawai* atau *pinguri* dianggap pakar;

“ in a general way, ...defend[] life, health, ... and the world of “light”, against death, disease, ... Disasters, and the world of “darkness” (Ellade dalam Sather 2000:229).

Tua Ciawai atau 'Pinguri' biasanya akan menyeru malaikat Tanabi, Jirong dan Yang semasa upacara ritual untuk mengubati individu yang sakit. Dalam hal ini, Pinguri dipercayai mempunyai kuasa istimewa berinteraksi dengan kuasa supernatural yang mendiami alam supernatural untuk mengembalikan roh sipesakit kepada tubuhnya di alam nyata (Mara Dickson 1970:90; Basil 1949:61; Sather 2000:229). Jelas di sini berlakunya suatu proses hubungan spiritual yang melibatkan hukum alam dengan alam supernatural yakni asas kepercayaan yang mendasari falsafah teologi nilai kepercayaan masyarakatnya.

Oleh itu, hubungan saling bergantungan hukum alam dengan alam supernatural adalah suatu fenomena yang mencirikan nilai sosio-budaya dan sistem kepercayaan. Hubungan dan interaksi ini secara tidak langsung mencorakkan perlakuan sosio-budaya, ekonomi dan politik yang dilakukan. Fenomena ini memperlihatkan lagi bagaimana alam kehidupan masyarakat tradisi kekal dalam lingkungan keseimbangan manusia-alam dengan keutuhan nilai budaya dan kepercayaan yang menjadi asas hubungan manusia, alam dan tuhannya. Dari proses integrasi ini maka peranan dan operasi adat seolah terbentuk dengan sifatnya yang unik berkat adanya hubungan nilai budaya dan kepercayaan yang diamalkan. Malah adat melalui prinsipnya yang tersedia wujud menjadi faktor pemangkin mengimbangi dan meneruskan hubungan ini dan sekaligus bertindak sebagai mekanisme mengawal dan mengekalkan hukum sosial.